

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Thursday, May 11, 2017 3:12 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Dr. Shamsul Huda binti Abd. Rani; Hanizaton Bt Hassan
Subject: "YOUNG ENTREPRENEUR CARNIVAL IV 2017" ANJURAN SBM TERAPKAN MINDA DAN BUDAYA KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

11 Mei 2017 | 14 Syaaban 1438H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Yang Berbahagia Dato' Seri/Dato'/Datin/Profesor/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

**"YOUNG ENTREPRENEUR CARNIVAL IV 2017" ANJURAN SBM TERAPKAN MINDA DAN BUDAYA
KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR**



SBM ONLINE: Satu Program anjuran Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) yang diberi nama "Young Entrepreneur Carnival IV 2017" telah berlangsung pada 6, 7 & 8 Mei iaitu pada hari Sabtu, Ahad dan Isnin bertempat di Pusat Budaya Seni Universiti Utara

Malaysia. Karnival ini dianjurkan oleh pelajar kelas BPME 2013 iaitu subjek Kemahiran dan Gelagat Usahawan dan BPME 3063 Pengurusan Jaringan Keusahawanan adalah di bawah seliaan Dr. Donny Abdulatief Poespowidjojo, Dr. Shamsul Huda Bt Abd Rani dan Dr. Armanurah Binti Mohamad sebagai salah satu tugas ilmiah kelas. Karnival ini diketuai oleh saudara Mohamad Hafizuddin Shahidin selaku pengarah program.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti senaman zumba, pertandingan mewarna, persembahan kebudayaan, permainan, karaoke, pertunjukan fesyen dan banyak lagi. Pertandingan mewarna yang berlangsung pada hari pertama program, mendapat sambutan iaitu sebanyak 70 penyertaan kanak-kanak daripada tadika-tadika dan sekolah-sekolah di sekitar Changlun dan Sintok, Kedah. Selain itu, sebagai tugas kuliah, pelajar-pelajar turut diberi peluang untuk memasarkan 40 jenis produk yang telah diinovasikan oleh mereka sendiri secara berkumpulan. Keseluruhannya terdapat 45 buah gerai yang menjayakan program ini termasuk peniaga-peniaga daripada luar Universiti Utara Malaysia. Tiga maskot iaitu "badut" rekaan para pelajar juga terlibat dalam memeriahkan program hari ini.

Karnival ini dijalankan untuk mendedahkan sedikit sebanyak ilmu keusahawanan kepada pelajar yang mengendalikan program ini. Pelajar tidak hanya belajar melalui teori tetapi juga mengaplikasikan praktikalnya. Dengan ini, pelajar dapat merasai suasana sebenar dalam alam keusahawanan dan terdedah dengan ilmu berkomunikasi, semangat berkumpulan, bertanggungjawab dan kepentingan jaringan dalam dunia sebenar perniagaan. Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah turut memberi sokongan iaitu "turun padang" melawat tapak kesemua gerai yang terlibat dalam program ini. Beliau juga turut menjayakan upacara perasmian serta "meletupkan" sepuluh biji belon sebagai "gimik" penutupan pada penghujung program tersebut. Hadir bersama beliau memberi sokongan adalah Timbalan Dekan, ketua jabatan serta pensyarah-pensyarah SBM. Wakil daripada Universiti Negeri Padang juga turut hadir memeriahkan program ini.

=====





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.